

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijeipc.com



KAJIAN RINTIS KEBERKESANAN PROGRAM BINA MOTIVASI
KE ARAH KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH

*A PILOT STUDY ON THE EFFECTIVENESS OF THE MOTIVATION-BUILDING
PROGRAMME TOWARDS ACADEMIC EXCELLENCE AMONG SECONDARY
SCHOOL STUDENTS*

Ummi Syarah Ismail^{1*}, Nor Azriani Mohd Nor², Noorazalia Izha Harun³, Nadhilah Abdul Pisal⁴,
Fadhlinah Che Arshad⁵

¹ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Arau Perlis, Malaysia
Email: ummi@uitm.edu.my

² Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Arau
Perlis, Malaysia
Email: norazriani@uitm.edu.my

³ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Arau Perlis, Malaysia
Email: noorazalia177@uitm.edu.my

⁴ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Arau Perlis, Malaysia
Email: nadhilah@uitm.edu.my

⁵ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Arau Perlis, Malaysia
Email: fadhlinachearshad@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.06.2025

Revised date: 10.07.2025

Accepted date: 28.08.2025

Published date: 17.09.2025

To cite this document:

Ismail, U. S., Mohd Nor, N. A., Harun,
N. I., Abdul Pisal, N., & Che Arshad,
F. (2025) Kajian Rintis Keberkesanan
Program Bina Motivasi Ke Arah

Abstrak:

Program Bina Motivasi Ke Arah Kecemerlangan Akademik diadakan bertujuan bagi membina keyakinan diri dan motivasi pelajar. Di samping itu, ia bertujuan bagi meningkatkan prestasi akademik pelajar sekolah menengah terutamanya melibatkan mata pelajaran yang mempunyai pencapaian rendah dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Matematik dan Perniagaan. Oleh itu, kajian rintis ini dijalankan bagi meninjau keberkesanan Program Bina Motivasi Ke Arah Kecemerlangan Akademik para pelajar. Bagi merealisasikan kajian ini, reka bentuk kajian kuantitatif digunakan dengan mengumpul data menggunakan instrumen soal selidik dan dianalisa secara deskriptif menggunakan perisian IBM SPSS Statistik. Soal selidik ini menggunakan pengukuran skala Likert lima mata bagi mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap empat subjek yang

Kecemerlangan Akademik Bagi Pelajar Sekolah Menengah, *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 683-697.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059050

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



dinyatakan dan tahap motivasi pelajar sebelum dan selepas program. Nilai min digunakan bagi mengukur perbezaan min pengetahuan dan tahap motivasi responden sebelum dan selepas mengikuti program motivasi. Sampel kajian yang terlibat sebagai peserta program seramai 67 orang pelajar tingkatan empat dan lima dari Sekolah Menengah Agama Nurul Islam Ayer Hitam Kedah. Penilaian keberkesanan untuk program ini dilakukan dengan membandingkan pencapaian sebelum dan selepas program ini dilaksanakan dengan menggunakan soal selidik pra dan soal selidik pasca. Dapatan ini menunjukkan, nilai positif selepas program dijalankan berbanding sebelum program. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar lebih bermotivasi untuk mempelajari dan menguasai keempat-empat mata pelajaran selepas menghadiri program motivasi ini.

Kata Kunci:

Keberkesanan Program, Bina Motivasi, Kecemerlangan Akademik

Abstract:

The Motivational Program Towards Academic Excellence was implemented to enhance students' self-confidence and motivation, with the aim of improving academic performance among secondary school students. This initiative particularly targeted students with low achievement in Malaysian Certificate of Education (SPM) examination subjects, namely English, Arabic, Mathematics, and Business. A pilot study was conducted to assess the effectiveness of the program. A quantitative research design was employed, utilizing a questionnaire as the main data collection instrument. Data were analysed descriptively using IBM SPSS Statistics software. The questionnaire adopted a five-point Likert scale to measure students' knowledge in the four target subjects as well as their motivation levels, both before and after the program. Mean scores were used to examine differences in knowledge and motivation levels pre- and post- questionnaire. The sample comprised 67 Form Four and Form Five students from Sekolah Menengah Agama Nurul Islam, Ayer Hitam, Kedah, who participated in the program. Results indicated a positive shift in both academic knowledge and motivational levels following the program's implementation. Overall, the findings suggest that the students became more motivated and showed improved mastery of the targeted subjects after participating in the motivational program.

Keywords:

Effectiveness Program; Motivation-Buliding; Academic Excellence

Pengenalan

Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) merupakan peperiksaan yang wajib diambil bagi pelajar tingkatan lima di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Peperiksaan ini dianjurkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sijil Pelajaran Malaysia ini penting bagi pelajar kerana ia merupakan syarat utama bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah atas, matrikulasi dan juga institusi-institusi pengajian tinggi bagi menyambung pelajaran ke peringkat diploma mahupun ijazah. Terdapat banyak mata pelajaran yang melibatkan peperiksaan SPM ini termasuklah mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Matematik dan Perniagaan. Oleh sebab mata pelajaran ini penting bagi mengekalkan prestasi yang baik dalam peperiksaan SPM, pihak sekolah mengambil inisiatif

dengan merancang beberapa aktiviti bersifat akademik termasuklah mengadakan program-program motivasi kepada para pelajar yang perlu mengambil peperiksaan SPM pada tahun semasa. Namun begitu, kebanyakan program motivasi yang dianjurkan lebih berfokus kepada membina keyakinan dan motivasi diri secara umum tanpa menumpukan kepada mata pelajaran tertentu. Lebih mendukacitakan, dapatan kajian-kajian lepas telah menemui penguasaan pelajar bagi matapelajaran Bahasa Inggeris (Mamat, 2016; Abu Nawas et al., 2023), Bahasa Arab (Ariffin@Riffin & Taat, 2020), Matematik (Husin et al., 2019; Jawawi & Maat, 2022) dan Perniagaan (Husin et al., 2019; Chelliah & Othman, 2022) masih di tahap sederhana. Laporan keputusan peperiksaan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia turut mendapati prestasi bagi mata pelajaran tersebut kurang memberangsangkan berdasarkan nilai Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) yang ditunjukkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021).

Terdapat juga beberapa kajian telah membuktikan bahawa penguasaan Bahasa Inggeris dan minat terhadap Bahasa Arab memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik pelajar. Kajian oleh Awang Kader, Mohd Zaki, dan Mohd Hanifah (2024) menunjukkan bahawa keputusan Bahasa Inggeris dalam SPM mempunyai hubungan signifikan dengan prestasi akademik pelajar di peringkat pra-universiti, khususnya dalam kursus Pengenalan kepada Perniagaan di peringkat Pra-Diploma. Sementara itu, kajian oleh Mat Noor, Ali dan Prihartini (2020) mendapati bahawa minat dan strategi pembelajaran Bahasa Arab turut mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut, dengan korelasi yang signifikan antara tahap minat dan prestasi akademik. Situasi ini telah menimbulkan kebimbangan warga akademik dalam usaha mengekalkan prestasi yang baik dalam pencapaian SPM mahupun di peringkat institusi pengajian tinggi.

Jia Chzin dan Surat (2021) menjelaskan faktor sikap, minat, motivasi dan gaya pembelajaran pelajar merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Hal ini kerana, sikap, minat, motivasi yang tinggi (Kariya, 2020) dan pengaruh gaya pembelajaran terhadap sesuatu pelajaran menyumbang kepada prestasi pencapaian yang cemerlang dalam akademik pelajar (Mt. Zin et al., 2021; Mohd Imran et al., 2023). Oleh yang demikian, usaha mewujudkan program sokongan seperti program motivasi dengan menumpukan kepada pelajaran tertentu kepada pelajar dilihat mampu memberi kesan yang baik terhadap prestasi akademik serta motivasi para pelajar. Tambahan lagi program motivasi yang menumpukan kepada mata pelajaran tertentu merupakan salah satu inisiatif yang dikenal pasti mampu mendorong pelajar ke arah meningkatkan kecemerlangan akademik dan keterampilan pelajar (Isa et al., 2008; Badela et al., 2024). Oleh itu, melalui kajian ini pengkaji melaksanakan tinjauan rintis mengenai keberkesanan program motivasi dari aspek pengetahuan pelajar dan tahap motivasi pelajar dengan memberikan penumpuan kepada empat subjek akademik dalam kalangan pelajar SPM di sekolah menengah.

Kajian-Kajian Mengenai Program Motivasi Di Malaysia

Berdasarkan tinjauan pengkaji, kajian mengenai program motivasi di Malaysia yang menumpukan kepada prestasi akademik pelajar masih lagi berkurangan terutamanya kajian yang menyentuh mengenai program motivasi di sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Terdapat beberapa kajian lepas mengenai program motivasi yang telah dilaksanakan namun kebanyakannya dilaksanakan di peringkat institusi pengajian tinggi. Antara kajian yang ditemui seperti kajian yang dilaksanakan oleh Abdul Aziz et al. (2006) di Universiti Teknologi Malaysia mengenai Program Pembangunan Pelajar Cemerlang di Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia. Program ini adalah khusus untuk pelajar yang mempunyai Nilai Mata Purata Kumulatif (CPA) melebihi 3.5. Antara objektif program

adalah untuk menyediakan platform perbincangan dan aktiviti sihat antara pelajar ke arah kecemerlangan diri, meningkatkan motivasi diri pelajar agar memantapkan lagi usaha untuk menjadi pelajar yang lebih cemerlang, memantapkan jati diri dan daya saing pelajar dalam persekitaran kompetitif dan membina sahsiah serta kemahiran komunikasi dan kepimpinan pelajar agar sejajar dengan matlamat fakulti dan universiti. Program yang dilaksanakan ini lebih berkonsep mentor-mantee dengan melaksanakan aktiviti bersama mentor yang bertindak sebagai fasilitator membimbing pelajar agar objektif program dapat dicapai dengan berkesan. Antara aktiviti yang dijalankan melalui program ini seperti perbincangan akademik melalui forum bersama mentor, mengadakan bengkel kecemerlangan, kem kecemerlangan sahsiah dan kepimpinan dan juga lawatan akademik. Prestasi akademik pelajar dianalisis berdasarkan kelok prestasi yang menggambarkan corak pencapaian di sepanjang pengajian mereka. Berdasarkan analisis prestasi pelajar, pengkaji mendapati bahawa program ini telah berjaya meningkatkan bilangan graduan bumiputera cemerlang kelas pertama atau sekurang-kurangnya kelas kedua tinggi.

Isa et al. (2008) turut melaksanakan kajian mengenai kem motivasi pelajar di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Kem motivasi ini dikhususkan kepada para pelajar yang mendapat Nilai Mata Purata Kumulatif (CPA) antara 1.7 hingga 2.5 pada Semester 1 Sesi 2007/2008 di Universiti. Tujuan kem motivasi ini dijalankan bagi membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar yang terpilih. Kem motivasi yang dianjurkan ini berkonsep mentor-mantee dengan mengaplikasikan pendekatan persaingan sihat antara kumpulan. Peranan mentor yang bertindak sebagai fasilitator membimbing para pelajar (mantee) dengan melaksanakan beberapa aktiviti. Pengisian modul aktiviti kem motivasi yang dijalankan melibatkan aspek pemantapan fizikal, mental, rohani dan sahsiah. Antara aktiviti yang dilaksanakan melalui kem motivasi ini seperti aktiviti berkumpul, aktiviti perbincangan kecemerlangan akademik dan sahsiah menggunakan kaedah permainan refleksi sendiri bersama fasilitator, pertandingan dan aktiviti syarahan daripada penceramah. Hasil daripada maklumbalas pelajar didapati bahawa program kem motivasi yang telah dijalankan ini telah berjaya mencapai objektifnya dalam memberi motivasi dan dorongan kepada pelajar dalam meningkatkan prestasi akademik serta sahsiah diri.

Manakala kajian yang dilaksanakan oleh Said dan Solat (2011) juga turut menemui peningkatan dalam kualiti akademik pelajar dalam program Kem Pemantapan Akademik Pelajar (PAP) melalui tinjauan soal selidik yang dilaksanakan. Dapatan kajian mendapati 98.9% daripada 87 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Pejabat (OM221) bersetuju mengenai kualiti pembelajaran mereka meningkat setelah mengikuti Program Pemantapan Akademik yang telah dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang. Matlamat program PAP ini adalah bagi memperbaiki tahap purata nilai gred (PNG) yang rendah iaitu kurang dari 2.50 di kalangan para pelajar. Antara pengisian dalam program PAP ini iaitu sesi syarahan daripada penceramah mengenai Strategi Cemerlang di UiTM dan sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK) bersama fasilitator seperti menyusun strategi pembelajaran yang bersesuaian untuk diaplikasikan bagi program OM221 di kampus. Penceramah juga telah memberikan panduan tentang teknik dan gaya belajar yang berkesan di samping memberikan tip-tip yang bermanfaat sebagai persiapan awal untuk menghadapi peperiksaan akhir.

Badela et al. (2024) dalam kajiannya di Politeknik Mersing menyatakan bahawa program motivasi “ku petik bintang” bagi tujuan meningkatkan akademik pelajar yang telah dilaksanakan berupaya meningkatkan kesedaran pelajar untuk lebih aktif dalam pembelajaran. Hal ini dapat dibuktikan dengan adanya peningkatan yang ketara pada skor min keseluruhan 3.55 daripada 4.00. Program “ku petik bintang” ini bertujuan untuk menangani permasalahan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah. Dengan menyasarkan pelajar yang mempunyai Purata Nilai Mata (PNM) di bawah 2.00 dan pelajar yang gagal lebih daripada satu kursus bagi Sesi II 2022/2023.

Oleh itu, berdasarkan penemuan daripada kajian-kajian lepas secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa bagi mengekalkan prestasi kecemerlangan akademik tidak hanya bergantung kepada usaha dan inisiatif daripada pelajar itu sendiri tetapi sokongan dan bantuan daripada warga pendidik juga adalah penting. Dengan melaksanakan program-program bimbingan dan motivasi, warga pendidik dapat memberi sumbangan bagi meningkatkan prestasi akademik dan juga menyuntik semangat kepada pelajar untuk terus mengekalkan kecemerlangan.

Praktis dan Proses Perlaksanaan Program Bina Motivasi Ke Arah Kecemerlangan Akademik


Program Bina Motivasi Ke Arah Kecemerlangan Akademik diadakan bertujuan bagi membina keyakinan diri dan motivasi belajar kepada pelajar. Di samping itu, ia juga bertujuan bagi meningkatkan prestasi akademik pelajar terutamanya melibatkan mata pelajaran yang mempunyai pencapaian rendah dalam peperiksaan SPM seperti subjek Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Matematik dan Perniagaan. Oleh itu, implementasi program ini berasaskan kepada objektif pada rajah berikut :



Rajah 1: Objektif Program

Program ini melibatkan seramai 67 orang pelajar tingkatan empat dan lima di Sekolah Menengah Agama Nurul Islam Air Hitam Kedah yang telah dilaksanakan selama dua hari. Hari pertama melibatkan fasilitator yang terdiri daripada para pelajar UiTM Cawangan Perlis. Pemilihan fasilitator adalah daripada pelajar dalam bidang pengkhususan bagi subjek yang terlibat dan mempunyai pengalaman sebagai fasilitator. Manakala pada hari kedua melibatkan perkongsian empat orang pakar bidang bagi subjek yang dinyatakan yang terdiri daripada para pensyarah UiTM Cawangan Perlis. Rekabentuk program ini dengan merujuk kepada model

ADDIE yang mempunyai lima fasa iaitu *Analysis* dengan mengenal pasti masalah pembelajaran yang dihadapi pelajar, *Design dan Development* dengan membuat perancangan kaedah penyampaian dan penyediaan bahan, *Implementation* dengan melaksanakan proses penyampaian kepada pelajar dan yang terakhir adalah *Evaluation* dengan membuat refleksi sendiri (Auzar, 2012; Ahmad et al., 2023; Li Li & Zainol Abidin, 2024). Program ini menggabungkan dua kaedah utama penyampaian kepada pelajar iaitu kaedah berpusatkan guru dan kaedah berpusatkan pelajar. Kaedah berpusatkan guru seperti syarahan daripada pakar bidang dan penerangan daripada fasilitator mengenai topik-topik yang sukar dikuasai dan teknik-teknik menjawab soalan bagi setiap subjek yang terlibat. Manakala kaedah berpusatkan pelajar seperti aktiviti perbincangan berkumpulan melalui pembelajaran kolaboratif, aktiviti peta minda, pembentangan dan refleksi sendiri. Pelaksanaan awalnya dengan membuat tinjauan awal mengenai masalah-masalah yang dihadapi pelajar melalui guru mata pelajaran bagi subjek yang terlibat. Seterusnya pakar bidang dan fasilitator membuat persediaan bahan program serta perancangan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan masalah yang dihadapi pelajar. Berikut merupakan rajah bagi proses pelaksanaan program berasaskan model ADDIE:



Rajah 2: Pelaksanaan Awal Program

Penglibatan Pakar Bidang

Penglibatan pakar bidang yang terdiri daripada pensyarah adalah penting bagi program motivasi (Mohd Imran et al., 2023). Hal ini kerana para pelajar sekolah akan lebih termotivasi dengan bimbingan yang diberikan oleh pakar bidang yang terdiri daripada para pensyarah universiti. Kajian yang dilaksanakan oleh Mohd Imran et al. (2023) menunjukkan sokongan dan dorongan daripada pensyarah berupaya meningkatkan prestasi akademik dan motivasi pelajar. Dalam program motivasi ini, pakar bidang berperanan memberi syarahan dan pendedahan lebih lanjut mengenai subjek, cara belajar dan teknik-teknik menjawab soalan bagi topik-topik yang sukar dikuasai. Interaksi yang wujud antara pelajar dan pensyarah dapat memberi kesan yang positif dalam akademik dan motivasi pelajar (Lastri et al., 2020; Fadhli et al., 2022).

Penglibatan Fasilitator

Peranan fasilitator adalah penting sebagai jurulatih atau *trainer* yang bertanggungjawab memberi maklumat, membantu dan membimbing peserta dalam pembelajaran di samping memberi motivasi melalui syarahan, melaksanakan aktiviti berkumpulan dan perbincangan secara kolaboratif, melaksanakan aktiviti peta minda, pembentangan dan refleksi sendiri.

Fasilitator ini turut mengupas mengenai isu-isu atau permasalahan yang dihadapi pelajar bagi topik-topik yang sukar dalam pembelajaran dengan memberi penerangan, mendedahkan teknik-teknik mudah belajar dan cadangan bagaimana pelajar perlu membuat perancangan, persediaan dan tindakan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi pelajar. Seterusnya peranan fasilitator juga penting dengan menyediakan aktiviti pelajar menerusi latihan tubi menjawab soalan mengenai topik-topik yang dibincangkan. Pelajar diberikan bimbingan ketika melaksanakan aktiviti perbincangan berkumpulan dan membuat peta minda. Di akhir aktiviti, fasilitator akan membimbing pelajar melaksanakan pembentangan berkumpulan serta refleksi sendiri.

Kaedah Berpusatkan Guru

Kaedah berpusatkan guru merupakan kaedah tradisional yang telah lama diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran (Abdullah et al., 2011; Lightweis, 2013) contohnya kaedah syarahan, soal jawab, bercerita dan demontrasi (Murphy et al., 2021). Peranan guru adalah penting dalam proses pembelajaran. Hal ini kerana guru merupakan pemberi maklumat atau penilai bagi memantau pelajar untuk mendapatkan jawapan yang betul dan pelajar dilihat sebagai individu yang menerima maklumat (Paimin & Ghazali, 2012; Emaliana, 2017).

Kaedah Berpusatkan Pelajar

Kaedah berpusatkan pelajar atau pembelajaran aktif ialah suatu kaedah pengajaran yang memfokuskan kepada pelajar dan guru mempunyai peranan yang paling sedikit dalam pengajaran (Zohrabi et al., 2012; Janor et al., 2013). Antara kaedah yang dipraktikkan dalam kaedah berpusatkan pelajar seperti berikut:

Kaedah Pembelajaran Kolaboratif

Pembelajaran kolaboratif merupakan pembelajaran yang melibatkan kerjasama secara berkumpulan (Allsop, 2011) yang dapat berkongsi pengetahuan dan pemahaman mengenai subjek atau penyelesaian kepada masalah (Brindley et al., 2009) yang dilihat berupaya membantu meningkatkan pencapaian pembelajaran (Mohd Yunos & Atan, 2014). Pembelajaran ini juga merupakan antara pembelajaran aktif yang dapat menimbulkan keseronokkan belajar dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti praktikal secara berkumpulan seperti perbincangan, pembentangan (Amiruddin, 2019; Ismady et al., 2024; Janor et al., 2013), peta minda (Paimin & Ghazali, 2012) serta perkongsian maklumat dan pendapat sesama pelajar (Brindley J. E et al., 2009). Situasi ini akan menggalakkan pelajar saling bekerjasama dan dapat menyiapkan tugas yang diberikan guru atau fasilitator dengan lebih efektif.

Refleksi Kendiri

Refleksi sendiri atau penilaian diri (*self-reflection*) merupakan suatu proses berfikir bagi mengenal pasti masalah dan tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi (Dewey, 1933). Ia juga merupakan proses metakognisi yang mewujudkan kefahaman yang lebih baik mengenai diri dan situasi sehingga adanya tindakan daripada pemahaman ini (Meidianawaty, 2019). Refleksi diri perlu dipraktikkan oleh pelajar dalam proses pembelajaran sehingga mereka mampu meningkatkan prestasi diri dan akademik ke tahap yang lebih tinggi daripada sedia ada. Dalam proses refleksi diri, para pelajar perlu membuat penilaian kepada diri sendiri berdasarkan pengalaman daripada aktiviti pembelajaran yang telah mereka lalui. Melalui hasil penilaian refleksi ini, pengetahuan dan pemahaman baru akan terbentuk seterusnya pelajar mampu menjana idea-idea baharu untuk dipraktikkan pada pengalaman berikutnya (Rodgers, 2002). Proses refleksi memerlukan bimbingan daripada guru bagi membantu pelajar untuk menghuraikan kembali pengalaman mereka. Melalui pengalaman

refleksi sendiri yang dilaksanakan, para pelajar akan dapat berfikir dengan lebih kritis dan kreatif dan ianya sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. dengan menggunakan strategi persampelan rawak. Sampel kajian terdiri daripada 67 orang peserta program iaitu para pelajar daripada tingkatan empat dan lima dari Sekolah Menengah Agama Nurul Islam Ayer Hitam Kedah. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada kelas yang berbeza dengan lingkungan umur 16-17 tahun. Penilaian keberkesanan program ini dilakukan dengan membandingkan pencapaian semasa dan selepas program ini melalui soal selidik pra dan soal selidik pasca. Bagi mendapatkan data yang dikehendaki, pengkaji mengumpul data menggunakan instrumen soal selidik dan dianalisa secara deskriptif menggunakan perisian IBM SPSS Statistik. Soal selidik yang dibina ini diadaptasi dan diubah suai berdasarkan daripada kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh Ishak et al. (2018) dan Isa et al. (2008). Item yang digunakan juga adalah mudah difahami dan bersesuaian dengan kajian yang dilakukan pengkaji. Soal selidik ini menggunakan pengukuran skala Likert lima mata bagi mengenal pasti pengetahuan pelajar terhadap empat subjek yang dinyatakan dan tahap motivasi pelajar sebelum dan selepas program sebagaimana Jadual 1. Nilai min digunakan bagi mengukur perbezaan min pengetahuan dan tahap motivasi responden sebelum dan selepas mengikuti program motivasi. Pengukuran tahap skor min dirujuk berdasarkan tafsiran skor min dalam Jadual 2.

Jadual 1: Skala Likert

Skala	Tafsiran
1	Sangat Lemah (SL)
2	Lemah (L)
3	Sederhana (S)
4	Baik (B)
5	Sangat Baik (SB)

Jadual 2: Tafsiran Skor Min

Skor Min	Tahap Kecenderungan
1.00 - 2.40	Rendah
2.41 - 3.80	Sederhana
3.81 - 5.00	Tinggi

(Sumber: Landell, 1997)

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Seramai 67 orang pelajar Sekolah Menengah Agama Nurul Iman (SMANI), Jerlun Kedah telah menyertai program “Bina Motivasi: Ke Arah Kecemerlangan Akademik dan Syakhsiah” pada 11 Jun 2023 bertempat di LT6, Kompleks Star UiTM Perlis. Para pelajar terdiri daripada tingkatan 4 (35.8%) dan Tingkatan 5 (64.2%). Empat subjek diketengahkan dalam program ini iaitu Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Matematik dan Perniagaan. Penilaian keberkesanan untuk program ini dilakukan dengan membandingkan pencapaian sebelum dan selepas program ini dilaksanakan.


Jadual 3: Skor Min Sebelum dan Selepas Program

Item	Kenyataan	Skor Min				
		Ukuran Skala Likert 1 - 5				
		Sebelum program	Tahap kecenderungan	Selepas program	Tahap kecenderungan	Perbezaan Min
1	Pengetahuan mengenai subjek yang diketengahkan.	3.34	Sederhana	4.16	Tinggi	0.82
2	Pengetahuan cara belajar yang betul bagi subjek yang diketengahkan.	3.54	Sederhana	4.34	Tinggi	0.81
3	Peningkatan pengetahuan dalam teknik dan tips belajar yang diberikan oleh penceramah	3.93	Tinggi	4.45	Tinggi	0.52
4	Motivasi terhadap subjek yang diketengahkan.	3.79	Sederhana	4.43	Tinggi	0.64
Keseluruhan Min		3.65	Sederhana	4.35	Tinggi	0.70

Merujuk kepada Jadual 3, purata keseluruhan nilai min sebelum program ialah ($M=3.65$) dan selepas program nilai min ialah ($M=4.35$). Ini bermakna tahap kecenderungan pelajar sebelum menyertai program motivasi berada secara puratanya pada tahap sederhana. Walaubagaimanapun, setelah menyertai program motivasi ini, berlaku peningkatan pada skor min pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap kecenderungan pelajar berada pada tahap yang tinggi selepas mengikuti program motivasi ini. Perbandingan nilai min menunjukkan terdapat peningkatan dalam pengetahuan mengenai subjek, pengetahuan cara belajar yang betul, pengetahuan teknik belajar dan motivasi responden terhadap subjek.


Hasil dapatan untuk item pengetahuan mengenai subjek yang diketengahkan menunjukkan bahawa, skor min sebelum program pada tahap sederhana ($M=3.34$) dan selepas program berlaku peningkatan skor min pada tahap tinggi ($M=4.16$). Ini menunjukkan terdapat peningkatan dalam pengetahuan mengenai subjek Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Matematik dan Perniagaan. Untuk item pengetahuan cara belajar yang betul, skor min sebelum program pada tahap sederhana ($M=3.54$) dan berlaku peningkatan skor min pada tahap tinggi ($M=4.34$) selepas program. Manakala untuk item peningkatan pengetahuan dalam teknik dan tips belajar yang diberikan oleh penceramah yang terdiri daripada pensyarah dan fasilitator menunjukkan peningkatan sebelum dan selepas program dengan perbezaan min sebanyak 0.52 iaitu sebelum program pada tahap yang tinggi ($M=3.93$) dan selepas program berlaku peningkatan yang lebih tinggi dengan nilai min ($M=4.45$). Perbandingan nilai min ini menunjukkan terdapat peningkatan dalam pengetahuan cara belajar yang betul menggunakan teknik dan tips yang betul. Dari segi motivasi pelajar sebelum dan selepas menghadiri program ini, tahap kecenderungan pelajar sebelum menyertai program motivasi berada pada tahap sederhana ($M=3.79$). Walaubagaimanapun, setelah menyertai program motivasi ini, berlaku peningkatan pada skor min pada tahap tinggi ($M=4.43$).

Berikut merupakan perbandingan peratus penilaian keberkesanan program dari aspek pengetahuan mengenai subjek, pengetahuan cara belajar yang betul, pengetahuan mengenai teknik dan tips belajar serta motivasi pelajar sebelum dan selepas program:



Rajah 3: Peratusan Perbandingan Sebelum dan Selepas Tahap Pengetahuan Pelajar


Rajah 3 menunjukkan peratusan pre (sebelum Program) dan pos (selepas Program) tahap pengetahuan pelajar mengenai subjek Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Matematik dan Perniagaan. Analisa menunjukkan tahap pengetahuan pelajar pada tahap 'baik' dan 'sangat baik' berada di kedudukan teratas. Bagi tahap pengetahuan 'baik' mengalami peningkatan sebanyak 29 peratus iaitu pre (34%) dan pos (63%). Manakala bagi tahap sangat baik mengalami peningkatan sebanyak 20 peratus iaitu pre (7%) dan pos (27%). Seterusnya Pada tahap 'sederhana' mengalami penurunan sebanyak 36 peratus iaitu tahap sederhana bagi pre (46%) dan pos (10%) manakala penurunan sebanyak 9 peratus pada tahap 'lemah' dan 3 peratus pada tahap 'sangat lemah'. Walaupun tahap pengetahuan pelajar bagi tahap 'sangat lemah', 'lemah' dan 'sederhana' menurun namun penurunan ini menunjukkan kesan yang positif kerana ini menunjukkan tahap pengetahuan pelajar mengenai subjek meningkat dengan pelaksanaan program motivasi yang dijalankan.



Rajah 4: Peratusan Perbandingan Sebelum dan Selepas Berdasarkan Pengetahuan Cara Belajar yang Betul


Rajah 4 menunjukkan peratusan pre dan pos tahap pengetahuan pelajar mengenai cara belajar yang betul. Analisa menunjukkan tahap pengetahuan pelajar pada tahap 'sangat baik' dan 'baik' berada di kedudukan teratas. Bagi tahap pengetahuan 'sangat baik' mengalami peningkatan

sebanyak 28 peratus iaitu pre (12%) dan pos (40%). Seterusnya tahap pengetahuan 'baik' pelajar mengalami peningkatan sebanyak 11 peratus iaitu pre (43%) dan pos (54%). Manakala bagi tahap 'sederhana' mengalami penurunan sebanyak 28 peratus iaitu tahap sederhana bagi pre (34%) dan pos (6%) manakala penurunan sebanyak 7 peratus pada tahap 'lemah' dan 3 peratus pada tahap 'sangat lemah'. Walaupun tahap pengetahuan pelajar bagi tahap 'sangat lemah', 'lemah' dan tahap 'sederhana' menurun tetapi penurunan ini menunjukkan kesan yang baik dan positif kerana dapatan ini membuktikan tahap pengetahuan pelajar mengenai cara belajar adalah meningkat dengan pelaksanaan program motivasi yang dijalankan.



Rajah 5: Peratusan Perbandingan Sebelum dan Selepas Berdasarkan Peningkatan Pengetahuan dalam Teknik dan Tips Belajar

Rajah 5 menunjukkan peratusan pre dan pos tahap pengetahuan pelajar dalam teknik dan tips belajar. Analisa menunjukkan tahap pengetahuan pelajar pada tahap 'sangat baik' berada di kedudukan teratas iaitu pre (22%) dan pos (49%) iaitu mengalami peningkatan sebanyak 27 peratus. Manakala tahap pengetahuan 'baik' pelajar mengalami penurunan sebanyak 5 peratus iaitu pre (51%) dan pos (46%). Begitu juga bagi tahap 'sederhana' mengalami penurunan sebanyak 21 peratus iaitu tahap sederhana bagi pre (25%) dan pos (4%) dan 1 peratus pada tahap 'sangat lemah'. Walaupun tahap pengetahuan pelajar bagi tahap 'baik' adalah menurun namun peratusannya amat sedikit jika dibandingkan dengan peratusan meningkat yang 'sangat baik'. Manakala dapatan bagi tahap 'sederhana' dan 'sangat lemah' menunjukkan kesan yang baik dengan penurunan yang positif kerana dapatan ini membuktikan tahap pengetahuan pelajar mengenai cara belajar meningkat dengan pelaksanaan program motivasi yang dijalankan.



Rajah 6: Peratusan Perbandingan Sebelum dan Selepas Berdasarkan Motivasi Pelajar

Rajah 6 menunjukkan peratusan pre dan pos berdasarkan motivasi pelajar. Analisa menunjukkan motivasi pelajar pada tahap 'sangat baik' berada di kedudukan teratas iaitu pre (19%) dan pos (51%) iaitu mengalami peningkatan sebanyak 32 peratus. Manakala tahap pengetahuan 'baik' pelajar mengalami penurunan sebanyak 7 peratus iaitu pre (49%) dan pos (42%). Seterusnya bagi tahap 'sederhana' mengalami penurunan sebanyak 18 peratus iaitu tahap sederhana bagi pre (25%) dan pos (7%), 3 peratus pada tahap 'lemah' dan 3 peratus pada tahap 'sangat lemah'. Walaupun tahap pengetahuan pelajar bagi tahap 'baik' adalah menurun namun peratusannya amat sedikit jika dibandingkan dengan peratusan meningkat yang 'sangat baik'. Manakala dapatan bagi tahap 'sederhana' dan 'sangat lemah' menunjukkan kesan yang baik dengan penurunan yang positif kerana dapatan ini membuktikan tahap motivasi pelajar meningkat dengan pelaksanaan program motivasi yang dijalankan.

Cadangan dan Kesimpulan

Berdasarkan dapatan di atas, dapat dirumuskan bahawa program Bina Motivasi Ke Arah Kecemerlangan Akademik ini berupaya meningkatkan prestasi akademik dan motivasi pelajar. Ini dibuktikan dengan nilai positif yang diperoleh dari aspek pengetahuan pelajar dan tahap motivasi pelajar selepas program dijalankan berbanding sebelum program. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan pelajar lebih bermotivasi untuk mempelajari dan menguasai keempat-empat mata pelajaran yang terlibat selepas menghadiri program motivasi ini. Melalui dapatan kajian ini, dicadangkan agar ahli akademik melaksanakan program motivasi dengan menumpukan kepada mata pelajaran yang mempunyai pencapaian rendah dalam peperiksaan SPM dengan mempelbagaikan kaedah penyampaian serta aktiviti kepada pelajar. Kepelbagaian kaedah penyampaian turut menyumbang kepada motivasi dan minat pelajar terhadap pembelajaran (Zaki et al., 2024). Motivasi dan minat pelajar terhadap mata pelajaran tertentu merupakan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar (Yurnaliza & Andayono, 2019). Oleh itu, Pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengambil inisiatif dengan memperbanyakkan program berbentuk motivasi dengan menumpukan kepada mata pelajaran yang mempunyai pencapaian rendah dalam pembelajaran agar para pelajar dapat didedahkan dengan pengetahuan dan kefahaman yang mendalam mengenai mata pelajaran tersebut dan seterusnya memberi kesan yang optima dalam pencapaian dan prestasi akademik.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan bantuan bagi menjayakan penyelidikan ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua guru dan pelajar Sekolah Menengah Agama Nurul Islam atas kerjasama bagi menjayakan program motivasi dan penyelidikan yang telah dijalankan.

Rujukan

- Abdullah, M. C., Roslan, S., & Sulaiman, T. (2011). Strategi pengajaran pembelajaran di institusi pengajian tinggi: Satu anjakan paradigma. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 8, 101–115.
- Abdul Aziz, A., Mohamad Yatim, J. & Mesir, B. (2006). Kajian peningkatan prestasi akademik pelajar melalui program kecemerlangan. *National Student Development Conference (NASDEC) 2006*.
<http://eprints.utm.my/id/eprint/460/%0Ahttps://seminar.utmpace.edu.my/nasdec2008/Contact.aspx>
- Abu Nawas, A., & Hamid, A. H. A. (2023). Keberkesanan kaedah main peranan dalam penguasaan kemahiran bertutur subjek bahasa inggeris pelajar tingkatan 2 di Sebuah Sekolah di Daerah Asajaya/Sadong Jaya. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 390–405.
<https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.31>
- Ahmad, M. T., Razalli, A. R., Shaffeei, K., Manusia, F. P., Pendidikan, U., & Idris, S. (2023). Tinjauan analisis keperluan modul pengajaran kemahiran membaca dalam kalangan guru pemulihan khas. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(16), 92–104.
<https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp.7.2023>
- Allsop, Y. (2011). Does collaboration occur when children are learning with the support of a wiki? *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 10(4), 130–137.
- Amiruddin. (2019). Pembelajaran kooperatif dan kolaboratif. *Journal of Educational Science (JES)*, 5(1), 24–32.
- Ariffin@Riffin, A. & Taat, M. S. (2020). Penguasaan Bahasa Arab : Hubungannya dengan sikap murid dan pengajaran guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), 13–23.
- Auzar. (2012). Keberkesanan penggunaan perisian asas membaca. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 629–644.
- Awang Kader, M. A. R., Mohd Zaki, S. & Mohd Hanifah, N.I. (2024). Sejauhmana aliran pengajian dan keputusan Bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah mempengaruhi prestasi akademik pelajar Pra-Diploma. *Gading Journal for Social Sciences*, Vol. 27.
- Badela, N. A., Rustam, M. F., & Sipun, Z. (2024). Program Motivasi “Ku Petik Bintang” Sebagai Inisiatif Meningkatkan Pencapaian Pelajar Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Politeknik Mersing. *8th International Conference on Social Sciences, Humanities and Technology 2024 (8th ICSHT 2024), October*, 350–357.
<https://doi.org/10.13140/RG.2.2.12261.61926>
- Brindley J. E, Walti, C., & Blaschke L.M. (2009). Creating effective collaborative learning groups in a online environment. *International Review of Research in Open and Distance Learning*, 10(3), 1–18.
- Chelliah, S., & Othman, N. (2022). Tahap penguasaan bahasa Melayu dengan pencapaian prestasi mata pelajaran perniagaan murid bukan Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001509.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1509>

- Dewey, J. (1933). *How We Think*. New York: D. C. Heath classic and highly influential discussion of thinking.
- Emaliana, I. (2017). Teacher-centered or student-centered learning approach to promote learning ? *Jurnal Sosial Humaniora*, 10, 59–70.
- Fadhli, R., Komariah, A., Bakar, A., Achmad Kurniady, D., & Thahir, M. (2022). Factors that influence student's achievement. *Journal of Positive School Psychology*, 2022(4), 5931–5944. <http://journalppw.com>
- Husin, N., Atan, N. S., & Othman, N. (2019). Pencapaian pelajar pengurusan dalam kursus “Business Mathematics”: Satu perbandingan mengikut program pengajian.” *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN)*, 100–109. <https://medium.com/@arifwicaksanaa/pengertian-use-case-a7e576e1b6bf>
- Isa, K., Mohamed, M., Jalani, J., Tukiran, Z., Jumaat, S. A., Ahmad, I.L., Mohamad, S. & Mohd Muji, S. Z. (2008). Peranan Kem Motivasi Pelajar Harapan PROPEMP dalam membantu meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar FKE. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Oktober*, 22–23.
- Ismady, N. A., Ahmad, A., & Othman, N. (2024). Keberkesanan kaedah hafalan fakta dan pembentangan murid tahfiz terhadap pencapaian subjek Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1), e002650. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i1.2650>
- Ishak, S., Che Omar, A. R., Al Bakri, F. M., & Osman, L. H. (2018). Amalan pembelajaran dan kesannya terhadap pembentukan pengetahuan serta kemahiran perniagaan dalam kalangan Generasi Z. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1), 15–28. <https://doi.org/10.17576/geo-2018-1401-02>
- Janor, H., Rahim, R. A., Rahman, A. A., Auzairy, N. A., Hashim, N. A., & Yusof, M. Z. (2013). Integrating student-centered learning in finance courses: The case of a malaysian research university. *International Education Studies*, 6(6), 108–123. <https://doi.org/10.5539/ies.v6n6p108>
- Jawawi, N. F., & Maat, S. M. (2022). Pengaruh motivasi terhadap pencapaian matematik : kajian literatur bersistematik (The influence of motivation on achievement in mathematics : Systematic literature review). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4), 151–163.
- Jia Chzin, D. T., & Surat, S. (2021). Sorotan literatur bersistematik : Faktor-faktor mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 137–157. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1210>
- Kariya, H. S. (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar politeknik METrO Betong Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 9–18.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Laporan analisis keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2021. *Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Landell, K. (1997). *Management by menu*. Wiley and Sons Inc.
- Lastri, L., Kartikowati, S., & Sumarno, S. (2020). Analysis of factors that influence student learning achievement. *Journal of Educational Sciences*, 4(3), 679. <https://doi.org/10.31258/jes.4.3.p.679-693>
- Lightweis, S. (2013). College Success: A fresh look at differentiated instruction and ther student centered strategies. *College Quarterly*, 16(3), 1–18.
- Li Li, C., & Zainol Abidin, M. J. (2024). Instructional design of classroom instructional skills based on the ADDIE model. *Technium Social Sciences Journal*, 55, 167–178.
- Mamat, M. (2016). Penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar tahun satu di UKM ; (English proficiency among students first year in University Kebangsaan Malaysia). *Issue in Language Studies*, 5(2), 28–42.

- Mat Noor, N.F., Ali, N. & Prihartini, A.A. (2024). Pengaruh minat terhadap pencapaian Bahasa Arab dalam kalangan calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. *KQT EJurnal*, 4(1), 51–65.
- Meidianawaty, V. (2019). Refleksi diri dalam pendidikan kedokteran. *Jurnal Kedokteran & Kesehatan*, 5(3), 24–27.
- Mt. Zin, M., Md. Hussain, M. N. & Abdul Ghani, A. (2021). Kesan pembelajaran dan motivasi terhadap prestasi akademik pelajar. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 7(21), 24621714. www.gbse.com.my
- Mohd Yunos, M. A. A., & Atan, N. A. (2014). Strategi pembelajaran kolaboratif dalam persekitaran autentik bagi pembentukan kemahiran proses sains asas prasekolah menerusi Teknologi Apps. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014*, 11–13.
- Mohd Imran, S. H., Sapon, N. & Sapon, N. (2023). Penerapan motivasi dan kesannya ke atas pencapaian akademik pelajar pasca pandemik. *International Journal of Education, Islamic Studies and Social Sciences Research*, 8(1), 107–125. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/IJEISR>
- Murphy, L., Eduljee, N. B., & Croteau, K. (2021). Teacher-centered versus student-centered teaching : Preferences and differences across academic majors. *Journal of Effective Teaching in Higher Education*, 4(1), 18–39.
- Paimin, H. B., & Ghazali, N. A. (2012). *Pelaksanaan pembelajaran berpusatkan pelajar di Jabatan Perdagangan*. <http://www.pmm.edu.my/zxc/pustaka/writing/pmmfasa8/P.ILMIAH 2017-4.pdf>
- Rodgers, C. (2002). Defining reflection: Another look at John Dewey and reflective thinking. in *Teachers College Record* (Vol. 104, Issue 4). Teachers College Columbia University.
- Said, A. R., & Solat, N. (2011). Menilai keberkesanan Program Pemantapan Akademik Pelajar (PAP) bagi para pelajar ijazah sarjana muda Pengurusan Sistem Pejabat (OM221). *Konferensi Akademik (KONAKA)*, April 2010, 315–322.
- Yurnaliza, R., & Andayono, T. (2019). Faktor-faktor yang mempengaruhi hasil belajar mahasiswa bidikmisi Fakultas Teknik Universitas Negeri Padang. *Journal of Civil Engineering and Vocational Education*, 6(4), 3–4.
- Zaki, M. F. M., Ismail, U. S., Radzi, A. H. M., & Pisal, N. A. (2024). Teaching Methods of Arabic Language Grammar Lessons Among Arabic Teachers at Religious Secondary Schools in Malaysia. *Theory and Practice in Language Studies*, 14(10), 3100–3108. <https://doi.org/10.17507/tpls.1410.11>
- Zohrabi, M., Torabi, M. A., & Baybourdiani, P. (2012). Teacher-centered and/or Student-centered Learning: English Language in Iran. *English Language and Literature Studies*, 2(3), 18–30. <https://doi.org/10.5539/ells.v2n3p18>